

# Rekaan inovatif

*Tupperware lancar kempen jelaskan kebaikan produk dengan cara lebih kreatif dan bermakna*

>>Oleh Hajjahfarhana Tarmudi  
wanitametro@hmetro.com.my

**J**IKA disebut saja namanya pasti ramai yang kenal kerana jenama bekas makanan ini sering dijadikan pilihan utama berbanding jenama lain yang ada di pasaran.

Tupperware Brands Malaysia yang diyakini lebih daripada 60 tahun dikenali dengan bekas makanan serta botol air yang direka khusus bagi menjaga alam sekitar dengan mengurangkan pengumpulan dan timbunan sampah.

Sesuai dengan buaatannya daripada material terpilih dan tahan lama, jenama Tupperware lebih digemari kerana mengambil kira pelbagai aspek berkaitan kesihatan dengan kebanyakan bahannya bebas kandungan toksik dan karsinogenik yang memudaratkan.

Bagi menghargai pelanggannya, Tupperware memperkenalkan kempen terbarunya yang diberi nama The One Touch Air Tight Challenge sempena penjualan terbaik bagi produk One Touch, baru-baru ini.

Pengarah Pemasaran Tupperware Brands Malaysia, Christine Wong, berkata tujuan kempen itu diadakan bagi menghargai pelanggan kerana sumbangan dan kepercayaan mereka yang menjadikan jenama ini sebagai penjual bekas



**TUNJUK...**tupperware one touch mengandungi telefon bimbit Samsung Galaxy yang menjadi hadiah utama cabaran ini.

makanan terbaik.

Tambahnya, Tupperware Brands direka dengan rekaan yang inovatif bagi memberi manfaat kepada pelanggannya yang kini sudah berusia lebih 60 tahun.

"Kempen ini diperkenalkan bagi menjelaskan kebaikan produk dengan cara yang lebih kreatif dan bermakna.

"Inovatif adalah pencetus idea yang membawa kami untuk terus maju dan mengangkat kami untuk mengekalkan tradisi sebagai peneraju utama bekas makanan," katanya.

Bagi menyertai cabaran ini, peserta hanya perlu menghan-

tar SMS ke 012-7830790 menggunakan kata laluan Tupperware Airtight diikuti dengan nama peserta sebelum tarikh tutup pada 31 Mei 2011.

Peserta ke-100, 200 dan 300 dengan jawapan yang betul akan menerima hamper daripada Tupperware bernilai RM50 dan akan memenangi telefon bimbit Samsung Galaxy sebagai hadiah utama cabaran ini jika berjaya.

Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai cabaran itu, peserta boleh melayari laman web [tupperwarebrands.com.my](http://tupperwarebrands.com.my) atau [facebook.com/tupperwarebrandsmalaysia](https://www.facebook.com/tupperwarebrandsmalaysia).



**TERTARIK...**pengunjung melihat bekas makanan yang kedap air di Aquaria, KLCC.